



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	2/10/2019	MUKA SURAT	:	41
JABATAN	:	BMG / JMG			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Henti operasi kuari haram di Teluk Bahang

PULAU PINANG 1 Okt. - Sahabat Alam Malaysia (SAM) menggesa kerajaan negeri dan pihak berkuasa berkaitan mengambil tindakan segera berhubung laporan terdapat kuari granit yang beroperasi secara haram di Teluk Bahang di sini.

Presidennya R. Meenakshi berkata, kes itu menunjukkan kelemahan dan kelalaian pihak berwajib dalam menguatkuasaan undang-undang memandangkan pihak berkuasa sudah mengetahui kewujudan operasi kuari berkenaan sejak 2016.

Katanya, adalah menghairankan dan mengejutkan kerana pihak berkuasa berkaitan tidak bertindak tegas walaupun operator kuari itu tidak mematuhi perintah berhenti kerja dan melanggar semua peraturan sedia ada.

Tambahnya, menyulitkan lagi isu itu apabila sebahagian operasi haram dijalankan di kawasan bukit melebihi 76 meter yang bertentangan dengan Rancangan Struktur Pulau Pinang terutama untuk kegiatan yang melibatkan pengkuarian dan peletupan.

Malah, katanya, kuari itu

juga berada di kawasan alam sekitar yang sensitif dan dekat dengan kawasan tadahan air dan Empangan Teluk Bahang.

"Bagaimana operator kuari boleh terlepas dengan aktiviti-aktiviti haram yang menjejaskan alam sekitar di kawasan alam sekitar yang sensitif selama bertahun-tahun menimbulkan persoalan yang serius.

"Mengapa pihak kerajaan termasuk kerajaan negeri yang bertanggungjawab ke atas aktiviti kuari di bawah Kanun Tanah Negara serta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak mengambil tindakan tegas yang segera terhadap operator kuari yang melanggar undang-undang?" katanya di sini hari ini.

Meenakshi berkata, selain menghentikan segera operasi kuari haram itu, pihaknya turut mendesak kerajaan negeri dan MBPP mengheret operator tersebut ke mahkamah dan dikenakan hukuman penjara.

Katanya, operator kuari itu juga harus memulihkan kawasan yang telah dibinasakan akibat kerja-kerja kuari tersebut.